

Tharman: PM kaum minoriti? S'pura hanya menunggu masa

SETELAH 50 tahun menjadi sebuah negara, Singapura hanya menunggu masa sebelum ia mempunyai seorang perdana menteri daripada kaum minoriti, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Tharman Shanmugaratnam (*gambar*), semalam.


"Tidak dapat dielak bahawa pada satu ketika, seorang perdana menteri daripada kaum minoriti – India, Melayu, Serani, atau kacukan – akan menjadi ciri landskap politik kerana kami mempunyai meritokrasi, ia sebuah sistem terbuka, ia hanya menunggu masa saja," ujar beliau.

Encik Tharman, yang juga Menteri Kewangan, ber-

kata demikian semasa menjawab soalan penulis pojok akhbar *Washington Post* yang juga pengacara CNN, Dr Fareed Zakaria, mungkin Singapura mempunyai seorang perdana menteri India.

Dr Fareed memperusik satu dialog jambuan tengah hari di Persidangan SG50+ Institut Pengajian Dasar bagi membincangkan masa depan Singapura.

Encik Tharman bermula dengan menjawab soalannya secara jujur bahawa beliau tidak perlu meninggalkan pentas kerana beliau tidak berminat dalam pekerjaan itu, namun me-



nambah tidak dapat dielak bahawa Singapura akan mempunyai seorang perdana menteri daripada kaum minoriti.

"Singapura sedang berubah, ruang bersama tempat semua orang membesar kini lebih besar daripada sebelum merdeka atau malah pada dekad-dekad awal kami," kata beliau.

"Ia satu ruang bersama

yang kukuh, sebuah sistem pendidikan di mana semua orang dididik, bahasa pertamanya bahasa Inggeris. Anda melalui pelbagai pengalaman sama bersama, Perkhidmatan Negara, jadi ia hanya menunggu masa saja," katanya.

Apabila ditanya Dr Fareed apakah beliau tidak akan berkhidmat sebagai perdana menteri jika terpilih, Encik Tharman berkata:

"Biar saya cuba jelaskan, kita semua ada keutamaan masing-masing. Dan saya sentiasa, dalam sukan, seorang pemain bek tengah, bukan barisan depan. Saya seronok bermain di barisan pertahanan dan membuat

hantaran jauh, tapi saya bukan seorang penyerang.

"Melainkan saya terpaksa, dan saya rasa saya tidak akan dipaksa, kerana saya rasa kami mempunyai pilihan. Memikirkan penggantian bukan tidak baik, dan kami tidak selalu mendapat apa yang kami jangka, tetapi kami fikir dengan teliti tentang penggantian di Singapura.

"Dan saya rasa kami mempunyai kumpulan orang yang berada dan sedang memasuki persaingan yang akan menyediakan kepimpinan masa hadapan," kata beliau.

Laporan lain
– Muka 24 &25

SIDANG SG50+

Dua cabaran utama pemerintah masa depan

PEMERINTAH masa depan Singapura terpaksa menangani dua cabaran utama bagi memastikan ia terus berjaya dalam landskap politik negara – jangkaan rakyat lebih tinggi dan berubah-ubah serta kesan teknologi dan media sosial terhadap mereka, kata Menteri Kanan Emeritus (ESM), Encik Goh Chok Tong.

“Taraf hidup rakyat Singapura berada pada paras tertingginya. Ramai antara kita memiliki rumah, menikmati khidmat jagaan kesihatan yang baik, mempunyai pekerjaan dan melancang dengan meluasnya. Anak kita pula mempunyai pendidikan yang baik dan prospek kerjaya yang cerah.


“Namun, ciri semula jadi manusia ialah, apa sahaja yang kita miliki bakal menjadi papan anjalan baru ke arah jangkaan lebih tinggi. Begitulah bagaimana masyarakat manusia maju,” katanya.

Dalam hal ini, Singapura menghadapi bukan sahaja jangkaan rakyatnya yang lebih tinggi, “malah

jangkaan yang berubah-ubah”, tegnasnya ketika berucap pada Sidang SG50+ anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS), di hotel Shangri-La, semalam.

Cabarannya kedua adalah meluasnya Internet dan media sosial, katanya.

“Teknologi seperti ini meratakan gelanggang permainan dan mendemokrasikan maklumat di tangan rakyat. Mereka memainkan per-



ENCIK GOH CHOK TONG: Berucap pada Sidang SG50+ anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS). – Foto fail

nan penting dalam cara maklumat diproses dan digunakan,” jelas Encik Goh.

Beliau, bagaimanapun, berkata sedang media sosial mampu mendekatkan pemimpin kepada rakyat dan berkongsi fikiran dengan mereka dengan lebih meluas, ia menambahkan satu lagi lapisan kerumitan kepada pemerintah.

“Contohnya, suara pemerintah tidak lagi sedominan dulu. Menjadi satu cabaran mendapatkan mesejnya didengar, dibaca atau dilihat,” ujarnya.

Encik Goh juga menekankan pentingnya bagi Singapura mengekalkan pemerintahan yang baik dengan men-

dapatkan bakat terbaik bagi jawatan pemerintah dan keupayaan rakyat memilih parti yang mereka percaya dapat mentadbir secara terbaik dan tidak menganggap pilihan raya “seperti sarkas, lelong, pertandingan ratu cantik atau (permainan) tikam-tikam”.

Namun, beliau menambah bahawa pengundi Singapura umumnya bijak dan rasional dalam memilih pemimpin.

Menurutnya lagi, pemimpin yang baik harus memiliki ciri seperti berintegriti, cekap, belas kasihan, berwawasan, yakin dan teguh, tidak meningkatkan diri sendiri serta berupaya menyesuaikan diri.

‘Sanggupkah PM Lee berkhidmat 10 tahun lagi?’

PERDANA Menteri Lee Hsien Loong kalau boleh enggan kekal memegang jawatannya selama 10 tahun lagi.

“Saya lebih suka tidak membuat demikian.

“Tugas ini memerlukan orang muda, orang yang bertenaga, orang yang boleh bersama anda dan boleh berhubung dengan orang muda dan boleh sama berjuang dengan mereka, bukan selama lima tahun atau 10 tahun sahaja, bahkan 20, 30, 40 tahun lagi,” ujar Encik Lee.

Beliau berkata demikian dalam acara dialog sempena pembukaan Sidang SG50+ anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS).

Seorang peserta dialog bertanya apakah Encik Lee boleh mempertimbangkan kekal 10 tahun lagi memegang jawatannya.

Peserta itu, yang berasal dari Belgium dan sudah bermastautin di Singapura selama 20 tahun, berkata Singapura beruntung

mempunyai pemimpin seperti Encik Lee dan memerlukan pemimpin sepertinya lagi.

Menjawab soalan pengerusi dialog, wartawan Dr Fareed Zakaria, mengenai orang muda di Singapura pula, Encik Lee berkata politik di Singapura akan berubah mengikut generasi baru yang mempunyai aspirasi berbeza.

“Lihat isu yang mereka perjuangkan. Ada yang perjuangkan isu keagamaan, ada yang perjuangkan isu kehijauan, ada yang perjuangkan isu sosial dan macam-macam lagi.

“Mereka harus mencari pemimpin yang boleh mengembangsecukup tenaga bagi membentuk teras yang boleh memimpin negara dan mengembang majoriti untuk menyokong sistem itu agar ia terus berjalan,” ujar Encik Lee.

Ditanya apakah beliau bimbang anak muda akan meninggalkan Singapura dengan bermastautin di negara lain, Encik Lee akur ramai anak muda hari ini berpendidikan tinggi dan mempunyai lebih banyak pilihan.

Beliau berkata orang muda akan kekal di Singapura jika mereka percaya mereka boleh membangunkan aspirasi dan kerjaya mereka serta ingin membina keluarga mereka di sini.

Meskipun kebanyakan anak muda Singapura hari tidak melalui masa sukar seperti yang dilalui generasi lalu, Encik Lee berkata mereka memiliki azam mahu berjaya dan meningkatkan kehidupan mereka.

Cabarannya adalah menyedarkan anak muda tentang hakikat bahawa Singapura kekal mudah terjejas dengan pelbagai ancaman.

Sidang SG50+ ialah sebahagian daripada sambutan Jubli Emas negara anjuran NUS, juga bersempena sambutan ulang tahun NUS yang ke-110.

Bertemakan ‘Singapura pada Usia 50 tahun: Apakah Cabaran Masa Depannya?’, sidang dua hari yang berakhir semalam itu menampilkan beberapa ceramah dan dialog yang mengupas pelbagai aspek masa depan Singapura.